



15 AUG, 2024

Gagal seludup sembilan guni sarang burung bernilai RM1.57 juta

Sinar Harian, Malaysia



Gagal seludup sembilan guni sarang burung bernilai RM1.57 juta

SEPANG - Cubaan menyeludup untuk pasaran dalam negara terbongkar susulan rampasan sembilan guni sarang burung bernilai RM1.57 juta di zon perdagangan bebas Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 31 Julai lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan keseluruhan sarang burung seberat

196 kilogram dijalankan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia kira-kira jam 6.15 petang. "Pemeriksaan dijalankan anggota bertugas di salah se-

buah gudang menemui sembilan guni mengandungi sarang burung dengan berat kasar 196 kilogram. "Semakan mendapati sarang burung ini diimport masuk ke

dalam Malaysia dari sebuah negara jiran tanpa memiliki permit import yang sah," katanya. Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar di Kompleks Kastam KLIA di sini pada Rabu. Katanya, nilai barang yang dirampas dianggarkan sebanyak RM1,576,000 dan melibatkan cukai sebanyak RM78,800. "Siasatan mendapati sindiket mengimport sarang burung dari negara jiran tanpa permit import yang sah dengan cara mengisytiharkan nama syarikat ejen perkapalan sebagai konsaini dalam dokumen penerbangan. "Selain itu, sindiket juga menggunakan alasan penghantaran ke negara luar ke atas sarang burung tersebut selepas dagangan tersebut ditahan oleh pihak berkuasa," katanya. Menurutny, kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1957.



Norlela (empat dari kiri) menunjukkan sarang burung yang dirampas di zon perdagangan bebas KLIA pada 31 Julai lalu.



Pemeriksaan di salah sebuah gudang menemui sembilan guni mengandungi sarang burung seberat 196 kilogram.



15 AUG, 2024

Gagal seludup sembilan guni sarang burung bernilai RM1.57 juta

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SEPANG - Cubaan menyeludup untuk pasaran dalam negara terbongkar susulan rampasan sembilan guni sarang burung bernilai RM1.57 juta di zon perdagangan bebas Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 31 Julai lalu. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, rampasan keseluruhan sarang burung seberat

196 kilogram dijalankan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia kira-kira jam 6.15 petang.